Institusi Kewangan Pembangunan

224 Pengenalan
224-229 Dasar dan Langkah
229-241 Prestasi Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan

PENGENALAN

Usaha-usaha diteruskan untuk membangunkan institusi-institusi kewangan pembangunan (IKP) di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 berpandukan hala tuju strategik utama IKP di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Strategi dasar yang dilaksanakan terus tertumpu pada aspek-aspek pengukuhan rangka kerja pengawalan dan pembinaan keupayaan IKP. Beberapa inisiatif penting yang dirumuskan pada tahun 2002 untuk mengukuhkan lagi keutuhan kewangan dan struktur operasi IKP dilaksanakan pada tahun 2003.

Sejajar dengan pendekatan secara berperingkat dan mengikut keutamaan, beberapa langkah berhemat dilaksanakan bagi meningkatkan keutuhan kewangan dan operasi serta memastikan peranan yang dimandatkan kepada IKP dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dalam ekonomi. Langkah-langkah ini termasuk Garis Panduan mengenai Keperluan Mudah Tunai, Standard Urus Tadbir Korporat bagi Pengarah, Operasi Kad Kredit, dan Klasifikasi Pinjaman/ Pembiayaan Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mempertingkatkan pemantauan ke atas aktiviti dan prestasi kewangan IKP, sistem pelaporan berkomputer akan dilaksanakan pada awal tahun 2004.

Bagi memperlengkapkan IKP untuk berperanan sebagai institusi terkhusus, inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan kemampuan IKP dalam menyediakan khidmat nasihat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dilancarkan pada tahun 2003. Pada masa yang sama, dasar mengenai keperluan modal minimum telah mula dirumus bagi memastikan IKP mempunyai keupayaan kewangan untuk meneruskan operasi mereka. Memandangkan sebilangan IKP mempunyai rangkaian operasi yang meluas, satu program untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada perusahaan mikro dilancarkan dan dilaksanakan oleh IKP ini. Objektif program ini adalah untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi perniagaan kecil yang besar jumlahnya bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber dalam negeri.

DASAR DAN LANGKAH

Pembinaan Keupayaan dan Kecekapan IKP

- **Meningkatkan Keupayaan Khidmat Nasihat IKP kepada PKS**
  Sebagai institusi terkhusus yang diberi mandat untuk menggalakkan sektor ekonomi tertentu yang telah dikenal pasti, IKP perlu melengkapkan kemudahan kewangan dengan kemudahan bukan kewangan, terutamanya dalam bentuk khidmat nasihat dan jururunding kepada para pelanggan sasaran mereka. Bagi membina keupayaan IKP dalam memberi khidmat nasihat, Bank Negara Malaysia memulakan satu projek usaha sama dengan bantuan *Japan International Cooperation Agency* dan sebilangan IKP untuk meningkatkan keupayaan IKP berkenaan dalam memberi khidmat nasihat kepada PKS. Matlamat projek ini adalah untuk merumuskan pelan tindakan dan pelaksanaan bagi memperbaiki mutu khidmat nasihat yang diberikan oleh IKP kepada PKS.

Pemantauan Aktiviti-aktiviti dan Prestasi IKP

- **Sistem Pelaporan Statistik IKP**
  Maklumat yang tepat dan terkini adalah penting bagi mempertingkatkan keupayaan menilai prestasi IKP. Pada pertengahan tahun 2003, Bank Negara Malaysia memulakan satu projek untuk membangunkan sistem pelaporan berkomputer bagi mengumpul dan menghasilkan data statistik tentang IKP. Sistem ini yang dikenali sebagai Sistem Pelaporan Statistik Institusi Kewangan Pembangunan *(Development Financial Institutions Statistical System)* atau "DFISS", akan mengumpul maklumat kewangan IKP secara talian terus *(online)*. DFISS akan mengumpul

Beberapa langkah berhemat dan inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2003 bagi meningkatkan keutuhan kewangan dan operasi IKP serta memastikan peranan yang dimandatkan kepada IKP dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

maklumat yang bersifat generik dan khusus berkaitan perniagaan IKP dengan mengambil kira keunikan yang ada pada setiap IKP.

- **Aktiviti-aktiviti Penyeliaan**
  Bank mengamalkan pendekatan penyeliaan berasaskan risiko serampang dua mata yang merangkumi pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis secara berterusan. Dengan mengamalkan pendekatan berasaskan risiko, tumpuan dan sumber dihalakan pada bidang yang berisiko tinggi. Usaha-usaha penyeliaan ditumpukan terutamanya bagi memastikan operasi dan kewangan IKP kukuh.

  Pemeriksaan yang dijalankan ke atas IKP, termasuk anak-anak syarikat IKP pada tahun 2003, membolehkan Bank Negara Malaysia menilai keadaan operasi dan kedudukan kewangan IKP. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, langkah-langkah diambil untuk menggalakkan kecekapan dan keberkesanan setiap IKP. Kecukupan modal IKP turut dinilai bagi memastikan IKP mampu bertahan dalam melaksanakan mandat yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

  Di samping itu, pemeriksaan di premis ditumpukan pada pembinaan keupayaan institusi dan penyediaan infrastruktur yang kukuh bagi IKP. Dalam hal ini, penekanan adalah untuk menerapkan amalan-amalan terbaik dalam struktur urus tadbir korporat dan sistem pengurusan risiko. Kepentingan urus tadbir korporat kepada keteguhan IKP keseluruhannya adalah nyata, memandangkan ia akan memastikan kebertanggungjawaban serta mendorong lembaga pengarah dan pihak pengurusan supaya menyediakan sistem pengurusan risiko yang berkesan. Sebagai langkah mengukuhkan keberkesanan lembaga pengarah yang menjadi faktor penting dalam urus tadbir korporat, temuduga dengan ahli-ahli lembaga pengarah IKP telah diadakan bagi menggalakkan pemahaman tentang tugas dan tanggungjawab serta komitmen mereka ke arah pembangunan IKP. Oleh sebab kebanyakan IKP terlibat dalam aktiviti pembiayaan, IKP juga dikehendaki menerap disiplin dalam pengurusan risiko, terutamanya pengurusan risiko kredit. IKP juga amat digalakkan supaya menyediakan sistem pengurusan risiko yang menyeluruh dengan penyeliaan oleh pihak pengurusan bagi mengenal pasti, mengukur, mengawal dan memantau risiko-risiko dengan penekanan diberi kepada keunikan sektor-sektor yang disasarkan. Integriti data dan keupayaan teknologi maklumat turut dinilai bagi memastikan keselamatan dan keutuhan operasi sistem maklumat dalam menyokong aktiviti perniagaan IKP.

  Bagi melengkapkan fungsi pemeriksaan, pengawasan luar premis yang berterusan ke atas kedudukan kewangan IKP dijalankan untuk mengesan dengan lebih awal sebarang masalah yang mungkin timbul di institusi-institusi berkenaan. Pengawasan ini melibatkan penganalisisan yang teliti ke atas data, nisbah dan arah aliran kewangan berhubung aspek-aspek penting seperti kecukupan modal, kualiti aset, keupayaan pengurusan, prestasi kewangan dan kedudukan kecairan. Bagi penyeliaan yang lebih berkesan dan bersifat perundingan, Bank Negara Malaysia juga mengadakan sesi perbincangan dan perjumpaan dengan lembaga pengarah dan pihak pengurusan IKP untuk membincangkan isu-isu penyeliaan yang perlu diberi perhatian hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan ke atas IKP.

  Pencapaian IKP dalam pelaksanaan peranan yang dimandatkan kepada mereka juga dinilai memandangkan institusi-institusi ini ditubuhkan sebagai institusi kewangan pembangunan khusus untuk mencapai matlamat sosioekonomi dan pembangunan yang ditetapkan. IKP perlu lebih dinamik dan proaktif dengan memperbanyakkan kemudahan yang ditawarkan melalui inovasi produk dan perkhidmatan di samping memperluas aktiviti dengan menawarkan bantuan khidmat nasihat, rundingan dan bantuan teknikal kepada pelanggan-pelanggannya. IKP juga digalakkan supaya lebih proaktif dalam mewujudkan penunjuk-penunjuk produktiviti utama dan analisis kewangan lain bagi penilaian sendiri pencapaian peranan yang dimandatkan.

  Rangka kerja penarafan digunakan dalam proses penyeliaan untuk menilai prestasi IKP dari segi pencapaian peranan yang dimandatkan dan juga keseluruhan kewangannya. Satu rangka kerja penarafan yang teratur untuk IKP telah dihasilkan dengan mengambil kira pelaksanaan aktiviti teras IKP serta kesannya ke atas pengurusan dan kedudukan kewangan institusi-institusi ini.

  Urus tadbir korporat dan amalan pengurusan risiko yang kukuh membolehkan IKP menjadi lebih dinamik dalam melaksanakan peranan yang

dimandatkan. Dalam penyeliaan IKP, tumpuan diberikan kepada keperluan untuk menyeimbangkan antara risiko tinggi dalam portfolio dengan pengurusan risiko yang berkesan, melaksanakan peranan yang dimandatkan dan pada masa yang sama mengekalkan kedudukannya sebagai institusi yang berdaya maju dari segi kewangan.

Pengukuhan Kedudukan Kewangan dan Struktur Operasi

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia memperkenalkan dasar dan langkah-langkah berhemat berikut bagi meningkatkan keutuhan kedudukan kewangan IKP:

- **Garis Panduan Keperluan Mudah Tunai**
  Pada tahun 2003, keperluan mudah tunai minimum dikenakan ke atas dua buah IKP, iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), memandangkan kedua-dua institusi berkenaan menggembleng sejumlah besar dana daripada orang awam menerusi aktiviti pengambilan deposit. IKP ini dikehendaki mengekalkan aset cair sekurang-kurangnya pada suatu paras minimum sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengurangkan risiko kecairan. Bank Negara Malaysia merumuskan dua jenis rangka kerja mudah tunai bagi menentukan paras minimum aset cair yang perlu diselenggarakan oleh Bank Rakyat dan BSN.

  Di bawah Rangka Kerja Nisbah Aset Cair, BSN dikehendaki menyelenggarakan nisbah mudah tunai minimum pada setiap masa, sekurang-kurangnya sebanyak 10% daripada jumlah tanggungan layak dalam bentuk aset cair yang dibenarkan.

  Bagi Bank Rakyat, Rangka Kerja Mudah Tunai Baru (RKMTB), serupa dengan rangka kerja yang dikenakan ke atas institusi perbankan, diguna pakai bagi menentukan paras aset cair yang perlu diselenggarakan. Di bawah rangka kerja ini, keperluan mudah tunai Bank Rakyat dinilai berdasarkan keupayaannya memadankan keperluan mudah tunai jangka pendek melalui tanggungan yang akan matang dengan aset yang akan matang. RKMTB dirumus bagi mengukur kecairan IKP pada tiga peringkat. Peringkat pertama menilai kecukupan mudah tunai bagi perniagaan yang dijalankan secara normal pada tempoh satu minggu sehingga satu tahun berikutnya. Peringkat kedua menilai sama ada institusi kewangan mempunyai lebihan mudah tunai dan rizab yang mencukupi bagi memenuhi pengeluaran mudah tunai yang mengejut dan mendadak. Peringkat ketiga pula menilai struktur pembiayaan am institusi kewangan, khususnya penilaian terhadap tahap pergantungan kepada sesuatu pasaran. Bagi memastikan terdapatnya mudah tunai yang mencukupi untuk menampung tanggungan liabiliti pada tempoh terdekat, Bank Rakyat dikehendaki menyelenggara lebihan mudah tunai yang secukupnya, bukan sahaja untuk memenuhi kewajipan yang dijangka tetapi juga mampu mengekalkan pengeluaran deposit yang tidak diduga bagi tempoh sekurang-kurangnya satu bulan.

  Keperluan mudah tunai minimum bagi IKP lain akan dikenakan secara berperingkat.

- **Garis Panduan mengenai Standard Urus Tadbir Korporat bagi Pengarah IKP**
  Sebagai sebahagian daripada langkah berterusan untuk meningkatkan struktur dan amalan urus tadbir korporat yang mantap di IKP, Garis Panduan mengenai Standard Urus Tadbir Korporat bagi Pengarah IKP telah dikeluarkan pada 23 September 2003. Garis panduan ini bertujuan membantu IKP dan pihak-pihak berkepentingan menerapkan struktur urus tadbir dan pengawasan oleh lembaga pengarah yang berkesan. Garis panduan ini menggariskan tugas dan tanggungjawab lembaga pengarah, keperluan minimum dan peraturan berkaitan pelantikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif serta penubuhan jawatankuasa lembaga pengarah.

  Tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah

  Garis panduan ini mentakrifkan tugas dan tanggungjawab utama lembaga pengarah. Lembaga pengarah bertanggungjawab menyelia hal ehwal IKP dan berpengetahuan penuh tentang keadaan serta dasar pengurusan bagi memastikan IKP diurus dengan baik. Sehubungan ini, lembaga pengarah bertanggungjawab dalam pemilihan dan pelantikan eksekutif kanan yang berkelayakan dan berkebolehan untuk mentadbir hal ehwal institusi. Bagi IKP khususnya, lembaga pengarah bertanggungjawab dalam menerajui IKP dalam pelaksanaan mandat yang diberi kepada mereka untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kewangan selaras dengan tujuan penubuhan IKP. Tugas dan tanggungjawab utama lain lembaga

pengarah termasuk memastikan fokus strategik IKP jelas termaktub, menubuhkan dan memastikan jawatankuasa lembaga pengarah berfungsi dengan berkesan, serta menubuhkan sistem kawalan dalaman dan fungsi audit dalaman yang berkesan untuk mempertingkatkan kebertanggungjawaban.

Standard kelayakan minimum dan keperluan latihan untuk pengarah
Standard kelayakan minimum dan keperluan latihan bagi pengarah bertujuan memastikan lembaga pengarah IKP memiliki kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan bagi melaksanakan tanggungjawab urus tadbir dengan berkesan. Pengarah-pengarah IKP perlu memahami tentang selok-belok perniagaan dan isu semasa serta perubahan peraturan di dalam sektor sasaran yang dikenal pasti.

Pelantikan ketua pegawai eksekutif dan pengarah
Garis panduan ini menitikberatkan keperluan melantik calon-calon yang sesuai sebagai ketua pegawai eksekutif atau pengarah-pengarah untuk memastikan keutuhan operasi IKP. Calon-calon mestilah mempunyai kelayakan yang setara dan pengalaman yang secukupnya, berkaliber dan berintegriti sempurna, di samping arif dengan operasi, keadaan kawalan dalaman, keperluan pengawalan dan dasar semasa yang melibatkan IKP untuk memastikan operasi harian IKP berjalan lancar. Garis panduan ini juga menjelaskan kriteria 'layak dan sesuai' seperti yang terdapat dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP).

Berhubung dengan dasar melantik peguam dan akauntan sebagai pengarah IKP, garis panduan ini menetapkan pelantikan tersebut boleh dilakukan sekiranya mereka bukan pekerja atau rakan kongsi di dalam firma guaman atau firma perakaunan, yang terlibat sebagai peguam panel atau mengendalikan audit atau kerja perundingan IKP berkenaan.

Jawatan pengarah di dalam perbadanan lain
Ketua pegawai eksekutif IKP tidak dibenarkan memegang sebarang jawatan eksekutif di dalam perbadanan lain untuk memastikan tumpuan pada pengurusan IKP tersebut. Jawatan pengarah dalam anak syarikat dan syarikat sekutu IKP mestilah tidak melebihi lima jawatan pada sesuatu masa. Lembaga pengarah perlu menetapkan dasar bagi jumlah maksimum jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh kakitangan IKP. Untuk memastikan pengarah bukan eksekutif menyertai dan terlibat secara aktif dalam pengurusan dan hal ehwal IKP, mereka perlu menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat lembaga pengarah.

Saiz dan komposisi lembaga pengarah
Garis panduan ini menetapkan IKP perlu memiliki sekurang-kurangnya tujuh orang pengarah di dalam lembaga pengarah untuk memastikan bilangan pengarah yang mencukupi bagi mewakili kepentingan pelbagai pihak. Di samping itu, jumlah pengarah bebas yang secukupnya diperlukan untuk memberi pandangan dan pendapat yang seimbang dalam lembaga pengarah. Garis panduan ini turut mengehadkan jumlah maksimum pengarah eksekutif dalam lembaga pengarah kepada dua orang.

Jawatankuasa lembaga pengarah
Bagi membantu lembaga pengarah menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan, lembaga pengarah dikehendaki menubuhkan empat jawatankuasa lembaga yang masing-masing mempunyai fungsi dan tanggungjawab khusus. Penubuhan jawatankuasa di peringkat lembaga memudahkan penglibatan lembaga pengarah secara aktif dalam pelbagai perumusan dasar serta mengawasi dan menetapkan hala tuju berkaitan aspek-aspek kritikal organisasi. Empat jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran, dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Garis Panduan ini juga menyediakan terma rujukan, komposisi, kelayakan minimum yang diperlukan dan tatacara jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

- **Garis Panduan Operasi Kad Kredit bagi Bank Simpanan Nasional**
  Sebagai sebahagian daripada proses untuk meningkatkan kesedaran berhubung dengan produk dan perkhidmatan perbankan dan untuk melaksanakan langkah-langkah perlindungan bagi pengguna, Garis Panduan mengenai Operasi Kad Kredit yang telah dikeluarkan kepada institusi perbankan juga dikeluarkan kepada BSN selaku salah satu pengeluar kad kredit. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 28 Julai 2003.

  Di bawah garis panduan ini, BSN dikehendaki mematuhi keperluan umur dan pendapatan minimum, penempatan deposit tetap, pemberian

pinjaman berhemat, bayaran bulanan minimum, yuran dan caj, dan klasifikasi pinjaman / pembiayaan tidak berbayar dan peruntukan hutang lapuk dan ragu yang berkuat kuasa secara serta-merta. Pematuhan kepada keperluan berkaitan dengan terma dan syarat, penyata bayaran bulanan minimum, pendedahan minimum bagi yuran dan caj, liabiliti pemegang kad tambahan, liabiliti bagi kehilangan atau kecurian kad kredit, dan program kesedaran dan pendidikan pengguna, berkuat kuasa mulai 28 Januari 2004.

- **Garis Panduan tentang Pengelasan Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu**
  Garis panduan ini dikeluarkan menurut Seksyen 41 AIKP kepada semua IKP di bawah kawal selia Bank kecuali *Malaysia Export Credit Insurance Berhad* (MECIB) pada 13 Mac 2003. Garis panduan ini menetapkan standard minimum pengelasan pinjaman dan pendahuluan tidak berbayar serta keperluan peruntukan bagi aset sedemikian. Ia bertujuan memastikan pinjaman tidak berbayar dan potensi kerugian dikenal pasti dan diperakui tepat pada waktunya, dan aset pinjaman dan pendapatan dinyatakan secara betul dan berhemat.

  Garis panduan ini menetapkan kategori minimum bagi pengelasan pinjaman tidak berbayar, jumlah peruntukan khusus yang perlu dibuat bagi setiap kategori pinjaman tidak berbayar, perlakuan ke atas pendapatan faedah bagi pinjaman tidak berbayar, dan keperluan peruntukan am bagi keseluruhan portfolio pinjaman. Pinjaman tidak berbayar dikategorikan mengikut peluang kutipan semula sesuatu pinjaman. Pinjaman yang hampir pasti tidak dapat dikutip semula akan dikategorikan sebagai 'hutang lapuk', 'hutang ragu' apabila peluang mengutip semula adalah sukar dan berisiko tinggi, dan 'substandard' apabila kutipan semula pinjaman melibatkan risiko yang lebih daripada tahap risiko biasa.

  Garis panduan ini memerlukan IKP menggantung semua pendapatan faedah terakru apabila sesuatu pinjaman dikelaskan sebagai pinjaman tidak berbayar. Bagi keperluan peruntukan minimum, garis panduan ini mengkehendaki IKP membuat peruntukan hutang lapuk dan ragu pada tahap yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian pinjaman/pembiayaan. Peruntukan yang diperlukan adalah dalam bentuk peruntukan khusus dan am. Sementara peruntukan khusus merujuk kepada peruntukan bagi kerugian pinjaman ke atas sesuatu akaun pinjaman yang khusus, peruntukan am pula merujuk kepada peruntukan bagi kerugian atas keseluruhan portfolio pinjaman. Bagi peruntukan khusus, IKP dikehendaki membuat peruntukan kerugian pinjaman secara beransur-ansur, berdasarkan peringkat atau kategori aset yang dikelaskan. IKP dikehendaki memperuntukkan 10% daripada jumlah yang tidak terlindung bagi kategori pinjaman substandard, 50% bagi kategori hutang ragu dan akhir sekali membuat peruntukan penuh bagi pinjaman kategori hutang lapuk. IKP juga perlu membuat peruntukan bagi butir-butir luar kunci kira-kira sekiranya IKP menghadapi risiko kredit ekoran kegagalan rakan niaga memenuhi kewajipan kontrak mereka.

  Garis panduan ini mengkehendaki IKP mengkaji semula kecukupan peruntukan khusus dan am secara berkala, sekurangnya-kurangnya setiap 6 bulan. Ini adalah untuk memastikan peruntukan yang dibuat sentiasa konsisten dengan maklumat terkini mengenai peluang kutipan pinjaman-pinjaman berkenaan. Di samping itu, penilaian IKP terhadap kecukupan peruntukan perlu dijalankan secara sistematik dan konsisten, selaras dengan kriteria objektif dan disokong oleh dokumen yang mencukupi.

  Garis panduan ini juga menitikberatkan penglibatan aktif lembaga pengarah dan pengurusan untuk memastikan kelulusan dan perumusan dasar bagi pengelasan pinjaman tidak berbayar serta dasar peruntukan bagi IKP adalah konsisten dengan standard minimum yang ditetapkan.

- **Surat Pekeliling tentang Penggunaan Nama-nama Generik dan Petunjuk "i" bagi Produk Perbankan Islam**
  Bagi meningkatkan kesedaran pelanggan tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam dan menyelaras serta menyeragamkan nama-nama generik untuk produk perbankan Islam, Bank Negara Malaysia mengeluarkan panduan tentang penggunaan nama-nama generik yang standard untuk institusi perbankan yang menawarkan produk perbankan Islam. Bank Negara Malaysia mengkehendaki institusi-institusi perbankan termasuk IKP yang menyediakan produk dan perkhidmatan perbankan Islam menggunakan nama-nama generik yang seragam seperti yang tersenarai di dalam surat pekeliling tersebut dan menggunakan indikator "i" untuk tujuan pemasaran dan

pengiklanan produk perbankan Islam dalam semua media, risalah dan pamplet produk, dan bentuk cetakan lain atau aktiviti promosi.

- **Surat Pekeliling tentang Keperluan Kebenaran bagi Produk dan Perkhidmatan Baru**
  Pada 26 April 2003, Surat Pekeliling tentang Keperluan Kebenaran bagi Produk dan Perkhidmatan Baru dikeluarkan dengan objektif untuk memastikan IKP terus memberi penekanan terhadap aktiviti yang dimandatkan dan pada masa yang sama mengelakkan risiko yang tidak sepatutnya diambil semasa melaksanakan peranan yang dimandatkan kepada mereka. Di samping itu, ia bertujuan memastikan produk-produk yang ditawarkan memenuhi keperluan para pelanggan.

PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN

Aktiviti pembiayaan IKP meningkat pada tahun 2003, sejajar dengan pertumbuhan keseluruhan ekonomi. IKP menyediakan pembiayaan kepada sektor dan subsektor ekonomi yang strategik. Ini termasuklah sektor pertanian, industri berintensifkan modal dan berteknologi tinggi, perkapalan, infrastruktur, perkilangan, eksport, pengusaha Bumiputera, koperasi serta pemilikan rumah kediaman dan pembangunan harta tanah di peringkat negeri, iaitu di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2003, dua buah IKP, iaitu BSN dan Bank Pertanian Malaysia (BPM), telah dilantik Kerajaan untuk melaksanakan skim kredit mikro. Skim ini adalah sebahagian daripada Pakej Ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan pada bulan Mei 2003.

Aktiviti Pembiayaan

Jumlah pinjaman IKP meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10.5% atau RM3.1 bilion (2002: 20.2% atau RM5 bilion) kepada RM32.5 bilion pada akhir tahun 2003, didorong oleh pinjaman kepada sektor infrastruktur oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) serta pembiayaan runcit oleh Bank Rakyat.

Dari segi keseluruhan pengagihan mengikut sektor, kredit penggunaan mencatat peningkatan kukuh sebanyak 20.1%, mencakupi 24.8% daripada jumlah pinjaman IKP. Pinjaman kepada sektor pembinaan dan pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan sebagai satu kumpulan meningkat 3.8%, mencakupi 26% daripada jumlah pinjaman. Pertumbuhan juga dicatat oleh sektor pertanian dan perkilangan, masing-masing sebanyak 10.2% dan 8.9% dan menyumbang 21.3% kepada jumlah pinjaman IKP. Dari segi insurans kredit dan jaminan kredit, jumlah perlindungan insurans dan jaminan yang disediakan oleh IKP berkaitan meningkat 14.1% kepada RM3.8 bilion pada akhir tahun, disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam perlindungan jaminan yang disediakan oleh *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad.*

Pembiayaan oleh enam buah IKP yang berada di bawah AIKP meningkat pada tahun 2003. Pembiayaan Bank Pembangunan kepada sektor infrastuktur dan PKS Bumiputera masing-masing meningkat 11% dan 4.6%. Selain itu, bank ini juga menyediakan perkhidmatan

Jadual 6.1
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2003
	2002	2003	
	RM juta		
Sumber:			
Dana pemegang saham	999	1,592	9,498
Modal berbayar	*596*	*1,180*	*7,193*
Rizab	*321*	*-122*	*1,395*
Keuntungan terkumpul	*82*	*534*	*910*
Deposit diterima	492	2,585	42,383
Peminjaman	1,111	2,100	16,076
Kerajaan	*2,250*	*2,481*	*11,356*
Agensi pelbagai hala / antarabangsa	*113*	*-399*	*3,036*
Lain-lain	*-1,252*	*18*	*1,684*
Lain-lain	1,779	369	11,135
Jumlah	**4,381**	**6,646**	**79,092**
Kegunaan:			
Penempatan deposit	3,456	1,393	17,113
Pelaburan	-2,700	1,874	21,142
antaranya:			
Sekuriti kerajaan	*-219*	*66*	*3,562*
Saham	*1,328*	*-629*	*5,799*
Disenaraikan	*847*	*-3*	*5,323*
Tidak disenaraikan	*481*	*-626*	*476*
Pinjaman dan pendahuluan	4,956	3,106	32,548
Aset tetap	595	99	3,706
Lain-lain	-1,926	174	4,583
Jumlah	**4,381**	**6,646**	**79,092**
Kontingensi:			
Jaminan	-182	493	3,653
Insurans kredit eksport	3	-26	125
Jumlah	**-179**	**467**	**3,778**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Jadual 6.2
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Haluan Pinjaman

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2003
	2002	2003	
	RM juta		
Pertanian, perhutanan dan perikanan	214	302	3,266
Perlombongan dan kuari	44	6	96
Perkilangan	209	298	3,654
Bekalan elektrik, gas dan air	119	170	624
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	-378	166	406
Sektor harta benda yang luas	2,140	567	8,408
Pembinaan	*1,444*	*228*	*4,019*
Pembelian harta kediaman	*191*	*162*	*2,948*
Pembelian harta bukan kediaman	*124*	*50*	*443*
Harta tanah	*381*	*127*	*998*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,502	80	4,443
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	480	96	1,876
Kredit penggunaan	1,312	1,351	8,067
Lain-lain	-686	70	1,708
Jumlah	**4,956**	**3,106**	**32,548**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Jadual 6.3
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun	
	2002	2003
	RM juta	
Peruntukan am	614	667
Faedah tergantung	1,152	1,224
Peruntukan khas	2,163	2,135
Pinjaman tidak berbayar	5,028	4,934
	Peratusan (%)	
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar[2]	17.7	15.7
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih[3]	6.8	5.6
Jumlah peruntukan/ Pinjaman tidak berbayar	78.1	81.6

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan Sabah Credit Corporation.

[2] Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar = (Pinjaman tidak berbayar / Pinjaman kasar*) x 100%.
* Tidak termasuk pinjaman di bawah skim ECR.

[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung dan peruntukan khas) / (Pinjaman kasar* selepas ditolak faedah tergantung dan peruntukan khas) x 100%.
* Tidak termasuk pinjaman di bawah skim ECR.

khidmat nasihat dan latihan kepada PKS. Pembiayaan runcit oleh Bank Rakyat kepada ahli-ahlinya mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 20.8%, manakala BSN juga mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 15.8% dalam aktiviti pembiayaannya disebabkan oleh pinjaman yang dikeluarkan di bawah skim kredit mikro. Sementara itu, aktiviti pinjaman *Export-Import Bank of Malaysia Berhad* (EXIM Bank) mencatat pertumbuhan sebanyak 2.1%. Walau bagaimanapun, aktiviti pinjaman/ pengunderaitan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (Bank Industri) dan MECIB masing-masing merosot sebanyak 7.6% dan 9.9%, disebabkan terutamanya oleh kekangan modal. Bagi IKP pengambil deposit, tabungan yang digembleng oleh BSN meningkat 0.1% sementara yang digembleng oleh Bank Rakyat mengukuh sebanyak 16.8% sebahagiannya disebabkan oleh pulangan menarik yang ditawarkan Bank Rakyat.

Pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar IKP menyusut RM94.1 juta kepada RM4.9 bilion pada akhir tahun 2003, menyumbang kepada penurunan nisbah NPL kasar kepada 15.7% berbanding 17.7% setahun lalu. Namun begitu, paras NPL kasar kebanyakan IKP kekal tinggi, di sekitar 9% hingga 46.1% daripada jumlah pinjaman. Kesemua IKP di bawah AIKP mengklasifikasikan sesuatu akaun pinjaman atau pembiayaan yang tertunggak selama enam bulan atau lebih sebagai tidak berbayar.

Secara kumpulan, IKP telah memperuntukkan sebanyak RM4 bilion bagi menampung kerugian pinjaman. Pada akhir tahun 2003, jumlah dan nisbah NPL bersih IKP masing-masing adalah RM1.6 bilion atau 5.6% (2002: RM1.7 bilion atau 6.8%).

Sumber Dana

Jumlah deposit yang digembleng oleh IKP pengambil deposit meningkat 6.5% kepada RM42.4 bilion pada akhir tahun 2003. Deposit daripada orang perseorangan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% (RM1.1 bilion), mencakupi peratusan terbesar jumlah deposit yang digembleng (51.2%). Lembaga Tabung Haji dan BSN kekal menonjol sebagai penggembleng utama dana daripada orang perseorangan, dengan Lembaga Tabung Haji mencatatkan 9.9% peningkatan manakala BSN mencatat 5.8% penurunan pada tahun 2003. Deposit daripada syarikat perniagaan, dan

Kerajaan dan agensi Kerajaan masing-masing mencakupi 33.9% dan 12.1% daripada jumlah deposit.

Peminjaman daripada Kerajaan yang berjumlah RM11.4 bilion pada akhir tahun 2003 (tahun 2002: RM8.9 bilion), mewakili 14.4% daripada jumlah sumber. Peminjaman daripada Kerajaan digunakan terutamanya untuk meningkatkan akses pembiayaan. Operasi IKP juga dibiayai oleh dana pemegang saham yang berjumlah RM9.5 bilion atau 12% daripada jumlah sumber dana.


Pada tahun 2003, empat buah IKP mencatat kerugian sebelum cukai/zakat, berjumlah RM34.8 juta terutamanya disebabkan kualiti aset yang rendah, manakala 10 buah IKP lagi mencatat keuntungan sebelum cukai/zakat berjumlah RM715.7 juta.

Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad

Peranan utama Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) adalah menggalakkan penglibatan masyarakat Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian serta menyediakan pembiayaan bagi projek infrastruktur, terutamanya projek-projek yang dikenal pasti Kerajaan. Bank Pembangunan mencatatkan peningkatan dalam aktiviti pinjamannya pada tahun 2003.

Bank Pembangunan turut menyediakan khidmat nasihat, latihan keusahawanan dan khidmat jururunding projek bagi meningkatkan keupayaan perniagaan PKS Bumiputera. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk menggalakkan pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju dan berdaya tahan, Bank Pembangunan telah memperkenalkan dua pakej baru yang dikenali sebagai "Premis SMI" dan "*Groombig*" pada tahun 2003. Bagi pakej "Premis SMI", selain kadar sewa yang rendah bagi kompleks kilang milikan bank, Bank Pembangunan juga menawarkan kemudahan pinjaman, khidmat nasihat (termasuklah nasihat kewangan, korporat dan teknikal), latihan dan geran pemadanan (iaitu Bank Pembangunan menyediakan geran sebanyak 70% daripada jumlah kos projek). Pada akhir tahun 2003, Bank Pembangunan menyewakan 229 daripada 368 unit kilangnya kepada PKS. Bagi pakej "*Groombig*", yang bertujuan meningkatkan prestasi PKS bersaiz lebih besar, para pengusaha disediakan dengan kemudahan pinjaman, khidmat nasihat dan latihan. Pada tahun 2003,

Graf 6.1
Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2003



sebanyak 29 syarikat dikenal pasti bagi menyertai program tersebut.

Jumlah pinjaman PKS Bumiputera meningkat 4.6% (2002: -5.6%) kepada RM1.3 bilion pada akhir tahun. Secara keseluruhan, termasuk pembiayaan kepada PKS bukan Bumiputera, pinjaman kepada PKS berjumlah RM1.6 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 5.9% berbanding dengan paras pada akhir tahun 2002.

Pembiayaan projek infrastruktur mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 11% pada tahun 2003 berbanding 56.5% pada tahun 2002. Pinjaman bagi projek infrastruktur berjumlah RM8.6 bilion pada akhir tahun 2003 yang mencakupi 84.5% daripada jumlah pinjaman. Sebahagian besarnya adalah pembiayaan bagi projek infrastruktur yang dikenal pasti Kerajaan. Sebahagian besar peningkatan pinjaman disumbangkan oleh pinjaman kepada sektor pengangkutan dan perhubungan (RM80.8 juta), pembinaan (RM331.2 juta) dan utiliti (RM163.3 juta). Secara keseluruhan, portfolio pinjaman Bank Pembangunan meningkat 10.2% kepada RM10.2 bilion pada akhir tahun 2003, merangkumi 68.5% daripada jumlah aset bank.

Pada akhir tahun 2003, Bank Pembangunan menguruskan 26 dana Kerajaan. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana tersebut masing-masing meningkat 203.8% (+RM334.6 juta) dan 63.4% (+RM82 juta). Tabung

Infrastruktur Pelancongan dan Tabung Khas Pelancongan 2 merupakan penerima utama dengan kelulusan pinjaman masing-masing berjumlah RM132.5 juta dan RM187.2 juta.

NPL kasar meningkat kepada RM912.6 juta merangkumi 9% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2003 (2002: RM769.8 juta atau 8.3%), sebahagian besar disebabkan oleh jumlah NPL yang lebih tinggi bagi pinjaman infrastruktur. Nisbah NPL kasar bagi pinjaman infrastruktur meningkat kepada 4.2% (2002: 2.6%), manakala nisbah NPL bagi pinjaman PKS menurun kepada 35% (2002: 38.2%). Nisbah NPL bersih bank menunjukkan sedikit penurunan daripada 3.2% kepada 3.1%.

Pada tahun ini, portfolio pelaburan berkurangan 36.6% (RM574.4 juta) berikutan penjualan sekuriti hutang swasta (PDS) dan sekuriti hutang Kerajaan. Pelaburan dalam PDS sebanyak RM757.5 juta adalah komponen terbesar pelaburan Bank Pembangunan yang berjumlah RM995.4 juta pada akhir tahun 2003. Deposit dengan institusi kewangan meningkat kepada RM2.6 bilion (2002: RM1.5 bilion) mencakupi 17.5% daripada jumlah aset.

Sumber utama pendanaan adalah peminjaman daripada Kerajaan (RM4.2 bilion), deposit yang diterima daripada agensi Kerajaan dan perusahaan awam (RM3.8 bilion), peminjaman daripada agensi pelbagai hala dan antarabangsa (RM1.4 bilion), terbitan sekuriti hutang (RM1 bilion) dan geran serta subsidi Kerajaan (RM644.7 juta), mencakupi 74.3% daripada jumlah sumber bank. Pada tahun ini, dana pemegang saham Bank Pembangunan meningkat sebanyak RM234 juta kepada RM2.5 bilion. Modal berbayar bank meningkat kepada RM1.6 bilion berikutan suntikan modal tambahan berjumlah RM400 juta oleh Kerajaan.

Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad

Aktiviti pinjaman Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (Bank Industri) pada tahun 2003 merosot sebanyak 7.6% (2002: -9.3%) kepada RM837.3 juta pada akhir tahun. Sektor maritim (yang terdiri daripada industri perkapalan, limbungan dan industri berkaitan laut) adalah penerima utama pinjaman, mencakupi 56.6% daripada jumlah pinjaman, manakala pinjaman selebihnya diterima sektor perkilangan. Pada akhir tahun 2003, jumlah pinjaman mencakupi 19.8% daripada jumlah aset bank sebanyak RM4.2 bilion.


Kelulusan pinjaman merosot 4.7% (2002: +17.7%), memandangkan pada tahun 2003, penggunaan Kemudahan Pembiayaan Perkapalan Baru dihadkan kepada pembiayaan kapal dagang sahaja. Sementara itu, kelulusan pinjaman bagi sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan positif. Pada tahun 2003, aktiviti pinjaman bank terus dikekang oleh paras dana pemegang saham.

Bank Industri mengurus 13 dana Kerajaan pada tahun 2003, mencakupi 34.9% daripada jumlah pinjaman bank. Jumlah kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana tersebut terus menurun dengan ketara, masing-masing sebanyak 31.3% dan 28%, oleh kerana kebanyakan dana telah habis digunakan.

NPL kasar menurun sebanyak RM1.4 juta kepada RM323.6 juta pada akhir tahun 2003. Walau bagaimanapun, nisbah NPL kasar meningkat kepada 38.6% (2002: 35.8%) berikutan penyusutan yang ketara dalam jumlah pinjaman. Pinjaman kepada sektor maritim mencakupi 56.6% daripada jumlah NPL manakala selebihnya adalah pinjaman kepada sektor perkilangan. Nisbah NPL bersih menurun sedikit kepada 18.4% daripada 18.9% pada tahun lalu.

Pelaburan dalam anak syarikat (RM1 bilion) serta pinjaman dan pendahuluan kepada anak syarikat (RM840.7 juta) adalah komponen aset bank yang terbesar (44.2%) pada akhir tahun 2003. Pelaburan dan pinjaman ini terutamanya melibatkan empat anak syarikat, iaitu MECIB, EXIM Bank, *Global Maritime Ventures Berhad* dan *BI Credit and Leasing Berhad.*

Graf 6.2
Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2003




Peminjaman merupakan sumber pendanaan terbesar bagi Bank Industri yang berjumlah RM2.3 bilion (54% daripada jumlah sumber) pada akhir tahun 2003, di mana 52.7% adalah daripada Kerajaan dan 47.3% daripada agensi pelbagai hala dan antarabangsa. Satu lagi sumber utama pendanaan adalah deposit daripada Kerajaan dan agensi Kerajaan berjumlah RM678.3 juta. Pada akhir tahun 2003, dana pemegang saham Bank Industri meningkat kepada RM280.2 juta (2002: RM164.3 juta), berikutan suntikan modal sebanyak RM80 juta oleh Kerajaan pada bulan Jun 2003, sebagai sebahagian daripada Pakej Ekonomi Kerajaan.

Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Aktiviti pembiayaan *Export-Import Bank of Malaysia Berhad* (EXIM Bank) dalam menggalakkan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1% kepada RM2.1 bilion pada tahun 2003. Walau bagaimanapun pinjaman baru yang diluluskan mencatat peningkatan ketara sebanyak 24.5% atau RM92.8 juta, mencerminkan pertumbuhan eksport yang nyata pada tahun 2003. Dua aktiviti utama EXIM Bank adalah pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) (54.2% daripada jumlah pinjaman) dan pembiayaan projek luar negara (41.6%), manakala pembiayaan eksport mencakupi 4.2%. Bank ini juga menyediakan jaminan eksport sebanyak RM172.3 juta, menurun 2.1% berbanding tahun lalu.

Pada tahun 2003, pembiayaan projek luar negara jatuh lagi kepada RM866.2 juta, dikekang oleh saiz dana pemegang saham bank ini yang kecil. Hampir separuh daripada jumlah pinjaman disalurkan kepada projek-projek yang diusahakan di negara-negara Afrika dan 36.9% lagi di Asia Tenggara.

Graf 6.3
Export-Import Bank of Malaysia Berhad: Kemudahan Kredit pada 31 Disember 2003



Sementara itu, jaminan tunggal yang dikeluarkan adalah bagi sebuah projek yang diusahakan di Asia Tenggara. Selaras dengan peranannya untuk menggalakkan kepelbagaian pasaran eksport Malaysia, pinjaman kepada pasaran bukan tradisional mencakupi 60.4% daripada jumlah pinjaman pokok pada akhir tahun 2003. Bagi pembiayaan projek, 63.7% disalurkan kepada projek-projek yang diusahakan di pasaran bukan tradisional, manakala bagi pembiayaan eksport, 32.4% disalurkan ke pasaran yang sama.

EXIM Bank adalah agensi yang dilantik bagi mengurus skim ECR yang dibiayai oleh Kerajaan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan eksport. Kadar faedah yang kompetitif ditawarkan kepada bank-bank yang mengambil bahagian dalam skim tersebut yang kemudiannya mengeluarkan pinjaman kepada para pengeksport. EXIM Bank mengeluarkan sejumlah RM6.6 bilion kepada pengeksport di bawah skim ECR, iaitu peningkatan sebanyak 7.5% daripada paras pada tahun 2002. Ini sejajar dengan pertumbuhan dalam eksport Malaysia dan peningkatan jumlah pelanggan sebanyak 7% kepada 1,760 pengeksport. Pengguna utama kemudahan ini adalah pengeksport dalam industri keluaran minyak sawit, keluaran getah, keluaran kimia dan tekstil.

Jumlah pinjaman adalah aset terbesar EXIM Bank dengan peratusan sebanyak 60.3%, manakala penempatan deposit mencakupi 37.5% daripada jumlah aset EXIM Bank.

NPL kasar bertambah baik pada tahun tersebut, pada RM439.9 juta (2002: RM450.9 juta) yang mencakupi 46.1% daripada jumlah pinjaman, tidak termasuk pinjaman di bawah skim ECR (2002: 46.7%). Pembiayaan projek merupakan komponen terbesar NPL dengan peratusan 92.6%. Nisbah NPL bersih menurun kepada 2.3% selepas peruntukan yang besar sebanyak RM436.3 juta.

Bank ini memperoleh sumber dananya menerusi peminjaman daripada Kerajaan, agensi antarabangsa dan syarikat induk, selain daripada dana pemegang sahamnya sebanyak RM238.2 juta. Pada akhir tahun 2003, peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM2 bilion, agensi antarabangsa RM298.2 juta dan syarikat induk RM369.7 juta. Peminjaman-peminjaman ini mencakupi 78% daripada jumlah sumber. Peminjaman daripada Kerajaan kesemuanya digunakan untuk skim ECR.


Berikutan Perjanjian Pengesahan Surat Kemudahan Kredit Pelbagai Hala yang ditandatangani dengan tujuh buah institusi pembiayaan eksport-import Asia pada tahun 2002 untuk menggalakkan perdagangan serantau, EXIM Bank telah menandatangani Perjanjian Pengesahan Surat Kemudahan Kredit Dua Hala dengan Korea EXIM dan India EXIM, untuk mempertingkatkan lagi perdagangan dua hala Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Malaysia Export Credit Insurance Berhad

Aktiviti *Malaysia Export Credit Insurance Berhad* (MECIB) yang menyediakan kemudahan perlindungan insurans dan jaminan untuk memudahkan eksport dan pelaburan luar negara, terus menurun pada tahun 2003. Jumlah perlindungan insurans dan jaminan yang dikeluarkan berjumlah RM496.6 juta pada akhir tahun 2003, merosot sebanyak 9.9% (2002: -13.3%), walaupun perlindungan di bawah kemudahan insurans kredit berjangka pendek meningkat sebanyak 12.9% sejajar dengan pertumbuhan eksport Malaysia. Daripada jumlah perlindungan, 74.7% merupakan jaminan yang dikeluarkan sementara bakinya merupakan perlindungan insurans kredit eksport. Jaminan yang dikeluarkan sebahagian besarnya adalah pendedahan berjangka sederhana dan panjang manakala perlindungan insurans kredit eksport pula kebanyakannya merupakan insurans berjangka pendek. MECIB menghadapi kekangan modal untuk menjalankan perniagaan berjangka sederhana dan panjang yang bersaiz besar.

Pasaran bukan tradisional mencakupi 40.8% daripada jumlah jaminan dan perlindungan insurans, mencerminkan peranan MECIB dalam membantu usaha-usaha Malaysia untuk mempelbagaikan pasaran eksport. Pendedahan kepada negara-negara di Asia Timur mencakupi 46.9% daripada jumlah pendedahan, diikuti oleh Afrika 12.7% dan Asia Selatan 12%.

Graf 6.4
Malaysia Export Credit Insurance Berhad: Liabiliti Kontingensi pada 31 Disember 2003



Aktiviti MECIB dibiayai sepenuhnya oleh dana pemegang sahamnya yang bertambah baik sedikit kepada RM76.6 juta pada akhir tahun 2003 (2002: RM45.6 juta). Peratus kerugian, ditunjukkan oleh nisbah bayaran tuntutan berbanding premium diterima, bertambah baik iaitu 29.3% pada akhir tahun 2003, berbanding di paras 55.3% pada akhir tahun 2002.

Aset utama MECIB adalah pelaburan dalam sekuriti dan penempatan deposit di institusi kewangan, masing-masing mencakupi 45.1% dan 40.3% daripada jumlah aset.


Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) mencatatkan peningkatan yang kukuh dalam aktiviti pembiayaan dan penggemblengan deposit. Aset Bank Rakyat meningkat dengan ketara sebanyak 17.7% kepada RM17.1 bilion pada akhir tahun 2003. Sebahagian besar (58.2%) daripada jumlah aset terdiri daripada pembiayaan yang dikeluarkan, diikuti oleh penempatan deposit (24.5%) dan pelaburan dalam sekuriti (14.2%).

Aktiviti pembiayaan meningkat dengan kukuh sebanyak 16.9% kepada RM10 bilion dengan peminjaman oleh ahlinya, yang mencakupi 77.7% daripada jumlah pembiayaan, meningkat 20.8%. Permintaan terhadap kredit penggunaan terus meningkat dengan ketara sebanyak 18.6% kepada RM6.9 bilion pada akhir tahun. Pembiayaan kepada sektor harta tanah juga meningkat 15.8% kepada RM1.9 bilion, mencerminkan permintaan yang kukuh terutamanya terhadap harta kediaman. Pembiayaan kenderaan bermotor juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 136% walaupun bahagiannya kekal kecil pada 2.8%. Dari segi agihan mengikut sektor, kredit penggunaan mencakupi 68.9% daripada jumlah pembiayaan, sementara 19% dan 4.7% disalurkan masing-masing kepada sektor harta tanah dan perdagangan am. Pembiayaan baru yang diluluskan dan dikeluarkan secara relatifnya kekal tidak berubah, masing-masing berjumlah RM3.6 bilion dan RM3.7 bilion (2002: masing-masing RM3.6 bilion dan RM3.5 bilion).

Nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar menurun sedikit kepada 10.7% daripada 11.4% manakala jumlah NPF kasar meningkat sedikit kepada RM1.1 bilion daripada RM974.2 juta.

Graf 6.5
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad: Haluan Pembiayaan pada 31 Disember 2003



Sektor harta tanah dan kredit penggunaan masing-masing menyumbangkan 39.8% dan 35.4% kepada jumlah NPF kasar. Dari segi NPF bersih, nisbahnya adalah 5.2%.

Sebahagian besar operasi pembiayaan Bank Rakyat dibiayai oleh deposit yang berjumlah RM13.1 bilion dan mencakupi 76.6% daripada jumlah sumber bank. Deposit daripada perusahaan perniagaan mencakupi bahagian terbesar (66.7% daripada jumlah deposit), di mana dua pertiga daripadanya merupakan deposit daripada perusahaan persendirian manakala selebihnya daripada perusahaan awam. Deposit daripada orang perseorangan mencatatkan pertumbuhan yang ketara pada 39.3% (RM454.9 juta) didorong oleh kadar pulangan yang tinggi yang ditawarkan Bank Rakyat, sekaligus meningkatkan syernya dalam jumlah deposit kepada 12.3% (2002: 10.3%). Sementara itu, deposit daripada koperasi juga meningkat dengan kukuh sebanyak 54.1% pada tahun 2003 walaupun syernya hanya 2.6% pada RM339 juta. Pada keseluruhannya, jumlah deposit yang digembleng oleh Bank Rakyat terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.8% (RM1.9 bilion) disebabkan terutamanya oleh kadar pulangan yang menarik yang ditawarkan oleh bank ini.

Dana pemegang saham Bank Rakyat meningkat daripada RM1.8 bilion kepada RM2.5 bilion pada akhir tahun 2003. Ini adalah hasil daripada peningkatan dana pemegang saham dan dana langganan ahli, yang meningkat kepada RM1.3 bilion pada akhir tahun (2002: RM0.9 bilion). Keuntungan yang lebih baik yang dicatatkan pada tahun 2003 juga menyumbang kepada pertambahan dalam dana pemegang saham Bank Rakyat. Pada tahun ini, keahlian individu Bank Rakyat meningkat sebanyak 86,770 kepada 629,907 orang sementara keahlian koperasi pula meningkat sebanyak 84 kepada 1,067 koperasi. Pengisytiharan kadar dividen yang tinggi sebanyak 15% bagi tahun 2002 serta kadar pinjaman istimewa yang ditawarkan kepada ahli telah menarik lebih ramai ahli.

Bank Simpanan Nasional


Tabungan yang digembleng daripada penyimpan kecil oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) menurun manakala deposit yang diterima daripada perusahaan perniagaan meningkat dengan ketara sebanyak 54.9%. Pinjaman runcit kepada peminjam kecil meningkat pada tahun 2003, sejajar dengan peranan BSN bagi memenuhi keperluan pembiayaan peminjam kecil. Pada bulan Jun 2003, BSN dilantik oleh Kerajaan untuk melaksanakan skim kredit mikro. Pada akhir tahun 2003, BSN beroperasi melalui 398 buah cawangan yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar, dan disokong oleh 591 mesin ATM.

Jumlah deposit meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.1% atau RM4.9 juta pada tahun 2003 kepada RM9.4 bilion. Tabungan daripada orang perseorangan terus merupakan komponen terbesar (71.3%) daripada jumlah deposit walaupun tabungan berkenaan merosot sebanyak 5.8% atau RM411.4 juta kepada RM6.7 bilion, berbanding pertumbuhan sebanyak 4.1% atau RM284.1 juta pada tahun 2002. Peningkatan deposit yang diterima daripada perusahaan perniagaan disebabkan sebahagiannya oleh syarat yang dikenakan oleh BSN ke atas peminjam kredit mikro supaya membuka akaun di BSN. Dari segi jenis deposit pula, lebih separuh daripada deposit berbentuk deposit simpanan, 36.3% deposit tetap dan selebihnya dalam bentuk deposit pelaburan am.

Deposit yang digembleng, sebahagian besarnya dilaburkan dalam sekuriti dengan jumlah RM5.5 bilion (49.8% daripada jumlah aset) pada akhir tahun 2003, dengan RM2.8 bilion daripadanya dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan. Deposit selebihnya digunakan untuk membiayai operasi pinjaman.

Jumlah pinjaman mencatat peningkatan yang kukuh pada 15.8% (2002: -7.4%) kepada RM2.4 bilion,

Graf 6.6
Bank Simpanan Nasional:
Jumlah Deposit Diterima pada 31 Disember 2003



mencerminkan pinjaman yang dikeluarkan di bawah skim kredit mikro yang dilancarkan pada bulan Jun 2003 sebagai sebahagian daripada Pakej Ekonomi Kerajaan. Pada akhir tahun 2003, sejumlah RM415.6 juta telah dikeluarkan di bawah skim kredit mikro yang merangkumi 17% daripada jumlah keseluruhan pinjaman. BSN menerima sebanyak 102,432 permohonan pinjaman di bawah skim ini dengan 60,364 permohonan bernilai RM541.8 juta diluluskan dan RM430.8 juta dikeluarkan kepada peminjam. Sebahagian besar peminjam kredit mikro terlibat dalam perniagaan gerai makanan, perdagangan runcit dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, lebih daripada 90% daripada jumlah pinjaman, tidak termasuk kredit mikro, dikeluarkan kepada individu terutamanya dalam bentuk pinjaman penggunaan dan untuk pembelian harta kediaman.

Jumlah NPL kasar menurun sedikit, iaitu sebanyak RM21.9 juta kepada RM297.4 juta pada akhir tahun 2003, disebabkan penurunan dalam NPL bagi pinjaman kad kredit. NPL bagi Pinjaman Perumahan GIRO meningkat sedikit, iaitu sebanyak 1% kepada RM158.6 juta manakala NPL bagi pinjaman kenderaan bermotor menurun sedikit, iaitu sebanyak 1.2% kepada RM112.5 juta. Nisbah NPL kasar menurun kepada 12.2% pada akhir tahun 2003 (2002: 15.1%) berikutan peningkatan dalam jumlah pinjaman. Nisbah NPL bersih menurun kepada 6.6%, dengan jumlah RM154.6 juta.

Pada tahun 2003, rizab BSN mengukuh berikutan suntikan modal sebanyak RM100 juta oleh Kerajaan di bawah Pakej Ekonomi.

Bank Pertanian Malaysia


Aktiviti pembiayaan Bank Pertanian Malaysia (BPM) meningkat dengan ketara pada tahun 2003. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8), BPM telah diberi mandat untuk mengendali berbagai skim pembiayaan pertanian bertujuan meningkatkan prestasi sektor pertanian dalam ekonomi. Pada tahun 2003, BPM menerima peruntukan sebanyak RM44.5 juta bagi membiayai tiga skim pembiayaan iaitu, Kredit Pengeluaran Makanan, Skim Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dan Skim Mekanisasi dan Automasi Pertanian. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada Pakej Ekonomi Kerajaan, BPM telah dilantik untuk melaksana skim kredit mikro.

Jumlah pinjaman meningkat dengan ketara sebanyak 16.2% kepada RM2.7 bilion pada akhir tahun 2003 ekoran pelancaran skim kredit mikro. Semenjak pelancaran pada bulan Jun 2003, BPM menerima 30,004 permohonan di bawah skim tersebut dan telah meluluskan 17,237 permohonan bernilai RM199.3 juta pada akhir tahun 2003. Sejumlah RM194 juta dikeluarkan kepada peminjam, kebanyakannya yang terlibat dalam projek berasaskan pertanian, pemasaran pertanian, tanaman dan ternakan.

Sebahagian besar (60.5% atau RM1.7 bilion) daripada jumlah pinjaman disalur kepada industri kelapa sawit, tanaman makanan dan ternakan. Sementara itu, petani-petani kecil mencakupi 43.8% (RM1.2 bilion) daripada jumlah pinjaman. Pada akhir tahun 2003, jumlah pinjaman mencakupi 45.6% jumlah aset BPM sebanyak RM6 bilion.

BPM meluluskan sebanyak 27,735 akaun pinjaman dan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM709.2 juta pada

Graf 6.7
Bank Pertanian Malaysia:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2003



tahun 2003. Petani kecil merupakan kumpulan sasaran utama yang mencakupi 98.4% daripada jumlah pinjaman diluluskan. Walaupun bilangan kelulusan meningkat, dari segi nilai, jumlah yang dilulus menurun sebanyak 7.9% kepada RM709.2 juta disebabkan kebanyakan pinjaman terdiri daripada pinjaman kecil.

Jumlah dan nisbah NPL kasar berasaskan klasifikasi 12 bulan bertambah baik, masing-masing pada RM889.2 juta dan 32.4% (2002: masing-masing RM894.3 juta dan 37.8%). NPL bersih berjumlah RM326.4 juta atau 15% daripada jumlah pinjaman bersih.

Pelaburan merupakan komponen aset kedua terbesar, mencakupi 31.9% atau RM2 bilion daripada jumlah aset, sebahagian besarnya dalam sekuriti hutang swasta (37.2% daripada jumlah pelaburan), saham amanah (29.6%) dan nota janji hutang/surat perdagangan (25.3%).

Sumber terbesar dana BPM adalah deposit berjumlah RM3.8 bilion yang digembleng menerusi 119 cawangannya dan 4,907 unit bergerak di seluruh negara. Ini merupakan 62.5% daripada jumlah sumber BPM. Peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM1.1 bilion, mencakupi 18.7% daripada jumlah sumber. Peminjaman kebanyakannya digunakan untuk membiayai berbagai skim pembiayaan yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Pada akhir tahun 2003, BPM mengurus 11 dana dengan pinjaman berjumlah RM206.4 juta atau 10.8% daripada jumlah pinjaman.

Pada tahun 2003, dana pemegang saham BPM mengukuh berikutan suntikan modal tambahan sebanyak RM200 juta oleh Kerajaan di bawah Pakej Ekonomi serta keuntungan yang dicatat pada tahun kewangan 2003.

Malaysian Industrial Development Finance Berhad


Aktiviti pembiayaan oleh *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) meningkat sedikit pada tahun 2003. Pada tahun ini, MIDF dilantik sebagai agensi pelaksana bagi satu skim baru, iaitu Skim Pinjaman Mudah untuk Penempatan Semula Kilang yang ditadbir oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Selaras dengan peningkatan permintaan bagi produk pembiayaan Islam, MIDF telah memperkenalkan pembiayaan secara Islam pada bulan Oktober 2003, yang menawarkan pelbagai skim yang mematuhi perundangan Shariah.

Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 6.4% kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2003. Pengeluaran pinjaman meningkat dengan ketara kepada RM312.3 juta (2002: RM240.6 juta). Sebahagian besar (82.4%) jumlah pinjaman disalurkan ke sektor perkilangan di mana penerima utama terdiri daripada industri keluaran logam rekaan dan jentera (17.2%), industri keluaran berasaskan besi dan keluli dan keluaran bukan ferus (16%) dan industri keluaran kayu (15.4%). Sementara itu, pinjaman kepada PKS mencakupi 50.1% daripada jumlah pinjaman.

Pada tahun 2003, kelulusan pinjaman meningkat kepada RM493.7 juta (2002: RM409.6 juta), dengan 85.3% adalah untuk institusi-institusi perkilangan dan 19.1% untuk projek-projek Bumiputera.

Kualiti aset MIDF meningkat dengan ketara. Berdasarkan tempoh tertunggak 3 bulan, jumlah dan nisbah NPL kasar bertambah baik masing-masing

Graf 6.8
Malaysian Industrial Development Finance Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2003



pada RM337.9 juta (2002: RM524.9 juta) dan 29.8% (2002: 49.2%), berikutan penyelesaian sebahagian daripada NPL berjumlah RM195.4 juta.

MIDF menguruskan sepuluh dana Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, dengan pinjaman berjumlah RM328.6 juta, peningkatan sebanyak 34.3%. Pinjaman yang diluluskan di bawah skim pinjaman khas menurun kepada RM151.4 juta (2002: RM190.2 juta) manakala pengeluaran pinjaman meningkat kepada RM134.8 juta (2002: RM116.6 juta).

Sumber utama dana terdiri daripada dana pemegang saham dan peminjaman. Pada akhir tahun 2003, jumlah dana pemegang saham meningkat sebanyak 26.8% kepada RM1.3 bilion (2002: RM1 bilion) mencakupi 46.1% daripada jumlah sumber berikutan terbitan saham baru. Sementara itu, peminjaman mencakupi 40.2% daripada jumlah sumber. Ini termasuk RM641.6 juta yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada Kerajaan untuk disalurkan kepada pinjaman bagi tujuan sosioekonomi. MIDF juga memperolehi dana daripada pasaran modal berjumlah RM528.8 juta pada akhir tahun 2003 untuk membiayai aktiviti pinjaman korporatnya yang lain.

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad


Objektif utama *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC) adalah untuk membantu PKS dalam memperluaskan akses mereka kepada kemudahan kredit. Peningkatan yang ketara dalam pengeluaran jaminan pada tahun 2003 banyak menyumbang ke arah mempermudahkan pinjaman kepada PKS oleh institusi perbankan.

Pada tahun 2003, CGC melancarkan Skim Jaminan Utama Baru dan Skim Jaminan Perbankan Islam yang telah dikaji semula dan dipermudahkan bagi tujuan membantu PKS mendapatkan pinjaman yang lebih tinggi. CGC juga memperkenalkan Skim Kemudahan Jaminan Khas yang menyediakan perlindungan ke atas modal pusingan yang diberi oleh institusi perbankan kepada perniagaan yang terjejas akibat Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk, terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam industri pelancongan. Di samping itu, di bawah Pelan Ekuiti Perkhidmatan Penasihat Perniagaan, CGC melantik pakar runding untuk membantu PKS, terutamanya dalam menyediakan pelan perniagaan dan dokumen kewangan. Sementara itu, pengemukaan permohonan pinjaman Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) melalui internet untuk pembidaan oleh institusi perbankan telah dilancarkan bagi mempermudahkan pembiayaan kepada PKS.

Jumlah jaminan mencatat pertumbuhan yang kukuh, sebanyak 18.3% (2002: -3.9%) kepada RM3 bilion pada akhir tahun 2003, hasil sumbangan prestasi SJLT dan Skim Jaminan Anjal (SJA) yang kukuh. Sejak pelancaran SJLT pada tahun 2000, jumlah jaminan di bawah skim ini terus meningkat dengan ketara, sebanyak 120.4% pada tahun 2003 kepada RM718.3 juta, oleh kerana program yang dikaji semula ini telah membolehkan lebih banyak PKS mendapatkan akses kepada skim ini. Jumlah jaminan SJA juga berkembang dengan ketara, sebanyak 108.5% atau RM262.6 juta kepada RM547.6 juta pada akhir tahun 2003. Ini adalah pemulihan daripada kemerosotan sebanyak 25.4% atau RM89.2 juta yang dialami pada tahun 2002. Pertumbuhan SJA yang tinggi mencerminkan permintaan yang lebih tinggi ke atas pinjaman yang disediakan di bawah Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB 2).

Peminjam dengan saiz pinjaman kurang daripada RM250,000 merupakan golongan utama yang terus mendapat manfaat jaminan, mencakupi 41.2% daripada jumlah jaminan, diikuti dengan para peminjam dengan pinjaman antara RM250,000 dan RM500,000 (25.5%) dan mereka yang bersaiz pinjaman antara RM500,000 dan RM1 juta (24.7%). Jaminan untuk pinjaman yang melebihi RM1 juta, mencakupi 8.6% daripada jumlah jaminan.

Graf 6.9
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad: Jaminan mengikut Sektor pada 31 Disember 2003



Sektor perniagaan am kekal sebagai sektor terbesar yang menerima jaminan daripada CGC, mencakupi tiga suku daripada jumlah pinjaman yang dijamin, diikuti dengan sektor perkilangan (23.3%) dan sektor pertanian (1.3%).

Jumlah peruntukan bagi tuntutan meningkat sebanyak 38.1% atau RM119.5 juta kepada RM433.5 juta pada akhir tahun 2003, berikutan peningkatan dalam pinjaman dijamin tidak berbayar yang meningkat sebanyak 28.4% pada tahun 2003. Sementara itu, jumlah tuntutan akan dibayar oleh CGC berkurangan sebanyak 16% kepada RM96.3 juta (2002 : RM114.6 juta).

Selain daripada memberi jaminan, CGC juga melaksanakan beberapa skim pinjaman Kerajaan untuk PKS. Pinjaman-pinjaman ini dikeluarkan oleh CGC kepada institusi perbankan untuk disalurkan kepada PKS. Pada akhir tahun 2003, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh CGC di bawah skim sedemikian merosot kepada RM915.8 juta (2002: RM988.7 juta). Daripada jumlah ini, empat skim pinjaman khas utama iaitu, TIKS 2, Tabung Usahawan Kecil, TUB 2 dan Skim Perbankan Islam TUB 2, kesemuanya berjumlah RM908.7 juta, mencakupi 99.2% daripada jumlah pinjaman. Daripada jumlah pinjaman di bawah skim-skim ini, sebanyak 73.2% atau RM670.1 juta telah disalurkan kepada PKS dalam sektor perkhidmatan perniagaan, manakala sebanyak 22.4% atau RM205 juta disalurkan kepada PKS dalam sektor perkilangan.


Jumlah dan nisbah NPL kasar bagi pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi perbankan di bawah skim-skim ini, masing-masing menurun kepada RM86.8 juta (2002: RM139.6 juta) dan 9.5% (2002: 14.1%) daripada jumlah pinjaman. Komponen utama NPL adalah disumbangkan oleh sektor perkhidmatan perniagaan, mencakupi 66.3% daripada jumlah NPL.

Dana pemegang saham kekal tidak berubah pada RM2.1 bilion pada akhir tahun 2003, dengan modal berbayar berjumlah RM1.6 bilion.

Lembaga Tabung Haji

Aktiviti penggemblengan deposit Lembaga Tabung Haji (LTH) mencatat peningkatan yang ketara pada tahun 2003, seiring dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik. Untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kepada pendeposit, LTH dengan bantuan empat buah bank utama kini menawarkan kemudahan perbankan internet kepada

Graf 6.10
Lembaga Tabung Haji:
Pelaburan pada 31 Disember 2003



pelanggannya yang membolehkan pendeposit bank-bank ini memindahkan dana ke akaun simpanan mereka di LTH. Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan termasuk kemudahan penginapan bagi jemaah haji, LTH telah menandatangani memorandum persefahaman dengan sebuah syarikat agen harta tanah untuk menyediakan kemudahan penginapan semasa menunaikan haji melalui perancangan jangka panjang.

Jumlah deposit yang digembleng oleh LTH meningkat sebanyak 9.9% kepada RM11.3 bilion sementara bilangan pendeposit meningkat sebanyak 4.1% kepada 4.7 juta orang. Pada tahun 2003, LTH telah mengumumkan pembayaran bonus sebanyak 4% kepada pendepositnya (2002 : 3.5%).

Sementara itu, jumlah pelaburan sebanyak RM8.1 bilion mencakupi 66.2% daripada jumlah aset. Pelaburan dalam saham berjumlah RM3.8 bilion merupakan komponen terbesar dalam portfolio pelaburan, diikuti oleh penempatan deposit berjumlah RM1.5 bilion, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu dan sekuriti hutang swasta sebanyak RM1.3 bilion setiap satu. LTH juga menawarkan pembiayaan kepada syarikat subsidiarinya yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan pembinaan, dan syarikat-syarikat lain berjumlah RM1.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 24.2%.

Sabah Development Bank Berhad

Operasi pinjaman *Sabah Development Bank Berhad* (SDB) menjadi perlahan selepas berkembang pesat

pada tahun sebelumnya. Jumlah pinjaman merosot sebanyak 5.6% kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2003 (2002: RM1.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pinjaman kepada perusahaan milik Kerajaan. Penurunan yang ketara dicatatkan bagi pinjaman kepada sektor-sektor perkhidmatan perniagaan, perkilangan dan pertanian.

Walaupun jumlah bilangan pinjaman yang diluluskan kekal di paras yang sama, jumlah nilai pinjaman yang diluluskan adalah jauh lebih rendah pada RM250.6 juta (2002: RM794.3 juta), disebabkan permintaan terhadap kemudahan kredit adalah bagi projek-projek pembangunan berskala kecil. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan juga merosot kepada RM184.3 juta (2002: RM271.3 juta). Sementara itu, pembayaran balik pinjaman meningkat kepada RM316.3 juta (2002: RM223.7 juta), menyumbang kepada penurunan dalam jumlah pinjaman.

Sebanyak 43.3% daripada jumlah pinjaman diberikan kepada sektor harta tanah, sementara 10.6% disalurkan kepada sektor pembinaan dan 9.6% kepada sektor perkhidmatan perniagaan. Pinjaman kekal sebagai komponen aset terbesar SDB, mencakupi 75.3% daripada jumlah aset sebanyak RM1.6 bilion.

Jumlah dan nisbah NPL kasar, masing-masing menurun kepada RM492 juta dan 39.7% (2002: RM542.2 juta atau 41.3%). Sebahagian besar (69%) NPL adalah pinjaman kepada sektor-sektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Nisbah NPL bersih di tahap 4.6% adalah lebih rendah (2002: 5.8%).

Sumber utama dana merupakan deposit daripada Kerajaan dan perusahaan milik Kerajaan (RM354 juta) dan peminjaman daripada institusi-institusi kewangan (RM536.6 juta). Kedua-dua sumber menyumbang RM890.6 juta atau 54.1% daripada jumlah sumber. Dana pemegang saham SDB meningkat kepada RM251.5 juta (2002: RM233.2 juta).


Sabah Credit Corporation

Aktiviti pinjaman oleh *Sabah Credit Corporation* (SCC) pulih dengan kukuh pada tahun 2003. Jumlah pinjaman meningkat 18.9% (2002: -1.8%) kepada RM632.8 juta. Jumlah pinjaman yang diluluskan dan pengeluaran pinjaman, masing-masing meningkat dengan ketara sebanyak RM236.5 juta (2002: RM80.1 juta) dan RM223.8 juta (2002: RM84.8 juta).


Pengembangan operasi pinjaman yang pesat didorong terutamanya oleh peningkatan ketara (70.9% atau RM253.6 juta) bagi pinjaman penggunaan, dengan kira-kira dua per tiga daripadanya merupakan pinjaman eksekutif dan selebihnya disalurkan untuk kemudahan sewa beli. Pinjaman perumahan yang mencatatkan penurunan kecil sebanyak 1.2% kepada RM289.6 juta, kekal sebagai komponen pinjaman terbesar. Jumlah pinjaman mencakupi 94.5% daripada jumlah aset (RM658.8 juta) pada akhir tahun 2003.

Nisbah NPL kasar berdasarkan pengelasan 4 bulan bertambah baik kepada 13.6% (2002: 16.1%). Sebahagian besar daripada NPL (61.1%) terdiri daripada pinjaman bagi tujuan pembelian rumah kos rendah. Nisbah NPL bersih meningkat sedikit kepada 4.6% (2002: 4.1%).

Graf 6.11
Sabah Development Bank Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2003



Graf 6.12
Sabah Credit Corporation: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2003



Peminjaman daripada Kerajaan Negeri (RM328.8 juta) dan institusi-institusi perbankan (RM156.2 juta) mencakupi 73.3% daripada jumlah sumber.

Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad

Aktiviti-aktiviti pembangunan harta tanah *Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad* (BDC Sabah) di Sabah menurun pada tahun 2003. Penurunan ini ditunjukkan melalui penurunan sebanyak 2.1% kepada RM98.2 juta dalam perbelanjaan pembangunan harta tanah dan bil bayaran berperingkat.

Seperti dua tahun yang lalu, tiada permohonan untuk pinjaman baru diterima oleh BDC Sabah berikutan kadar pinjaman yang lebih kompetitif yang ditawarkan institusi-institusi perbankan. Jumlah pinjaman telah merosot kepada RM9.5 juta, berikutan pembayaran balik sebanyak RM1.9 juta pada tahun 2003 (2002: RM1.7 juta). Daripada jumlah pinjaman, 75.2% dikeluarkan kepada orang perseorangan dan bakinya kepada syarikat perniagaan.

NPL kasar berjumlah RM2.4 juta atau 25.4% daripada jumlah pinjaman, meningkat daripada tahun sebelumnya (2002: RM2.1 juta atau 20.1%). Pinjaman untuk pembelian harta tanah bukan kediaman mencakupi 94.7% daripada jumlah NPL.

Sumber utama dana bagi BDC Sabah merupakan peminjaman daripada institusi-institusi kewangan dengan jumlah RM75.7 juta atau 77.1% daripada jumlah sumber. Dana pemegang saham merosot kepada RM5.2 juta.

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad

Pembangunan harta tanah dan aktiviti pembinaan *Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad* (BDC Sarawak), terutamanya untuk Kerajaan Negeri, mencatat kenaikan yang ketara pada tahun 2003. Jumlah stok dan kerja-kerja yang sedang dijalankan meningkat dengan ketara sebanyak 49.9% (2002: -18.1%) kepada RM50.3 juta pada akhir tahun 2003 merupakan komponen aset terbesar (58.2%) BDC Sarawak.

Aktiviti pembiayaan akhir terus menurun dengan para peminjam terus menebus pinjaman mereka daripada BDC Sarawak disebabkan kadar pinjaman institusi-institusi perbankan yang lebih kompetitif. Kesannya, jumlah pinjaman menurun kepada RM1 juta pada akhir tahun 2003 (2002: RM1.4 juta). Sementara itu, portfolio pelaburan BDC Sarawak yang mencakupi 12.4% daripada jumlah aset sebanyak RM86.4 juta, meningkat sebanyak 6.4% (2002: -38.8%) kepada RM10.7 juta.

Dana pemegang saham (RM38.7 juta) dan peminjaman daripada institusi-institusi kewangan (RM20.3 juta), kekal sebagai sumber dana utama BDC Sarawak, secara bersama mencakupi 68.3% daripada jumlah sumber.